

# Anak penyu kepala dua kali ketiga ditemukan

UM 5/9/2022 MS: 28

**KUALA TERENGGANU:** Penemuan seekor anak penyu agar berkepala dua yang masih hidup di Tanjong Jara Resort, Dungun pada Selasa lalu adalah kali ketiga yang direkodkan secara rasmi di negara ini.

Pakar penyu dari Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah, Prof. Madya Dr. Juanita Joseph berkata, penemuan pertama ialah di Pulau Redang pada 2012.

“Ketika itu saya berkhidmat di Unit Penyelidikan Penyu Laut (Seatr) Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Pelbagai kajian dijalankan terhadap anak penyu tersebut namun jangka hayatnya tidak berterusan lama, ia mati dua bulan selepas itu.

“Sebelum ini, Seatr pernah menemukan anak penyu agar dan anak penyu karah berkepala dua, tetapi mati di dalam sarang. Kes seperti ini sangat jarang berlaku dan sepanjang pemuliharaan penyu dijalankan di Pulau Redang (sejak 1993 sehingga kini), hanya lima kes pernah ditemukan. Namun kebanyakannya mati di dalam sarang,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, sekumpulan sukarelawan di pusat penetasan penyu di Tanjong Jara Resort terkejut dan teruja dengan penemuan itu kerana ia adalah penemuan pertama di daerah tersebut.

Ketika ini, reptilia marin unik itu diserahkan kepada Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Rantau Abang, Dungun untuk pemantauan lebih rapi.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penemuan kedua anak penyu berkepala dua yang masih hidup pula ialah di Pulau Mabul, Sabah pada 2019.

Berdasarkan rekod, usia paling lama untuk seekor penyu berkepala dua adalah tiga bulan sahaja iaitu yang ditemukan di Florida, Amerika Syarikat.

Katanya, daripada lima penemuan, mungkin hanya satu yang masih hidup dan ia tidak bertahan lama kerana sukar untuk mengkoordinasi pergerakan dua kepala dengan berkongsi hanya satu organ dalaman yang lain.

Menurutnya, penyu dua kepala ini dipanggil *Bicephaly* atau *Dicephalism* iaitu berkongsi jantung dan anggota badan yang lain.